# METODOLOGI YANG DICADANGKAN BAGI MENJALANKAN KAJIAN INI

Petender hendaklah memastikan metodologi yang dicadangkan adalah mematuhi keperluan-keperluan yang dinyatakan di dalam Terma Rujukan (**Lampiran D**).

| **Bil.** | **Metadologi Kajian** | | **Tandakan (/)** |
|---|---|---|---|
| 1. | Kualitatif | i. Teknik Nominal Kelompok (*Nominal Group Technique-NGT*) akan digunakan untuk mengumpulkan data yang diperlukan. NGT adalah satu prosedur perbincangan yang efektif untuk membantu sesuatu keputusan dibuat dalam membincangkan sesuatu isu. Isu yang dikaji dikupas melalui pengenalpastian isu/masalah, pembangunan kaedah penyelesaian dan penghasilan keutamaan (*priorities*). Perbincangan kumpulan yang dijalankan akan melibatkan tiga (3) kumpulan pemegang taruh iaitu pembuat dasar, pemain industri dan agensi Kerajaan yang berkepentingan dengan data Kementerian. | |
| | | ii. Mengadakan perbincangan bersama Kumpulan Fokus (*Focus Group Discussion)* untuk mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam terhadap kajian yang dijalankan dan seterusnya menggunakan strategi atau pendapat yang | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | diterima untuk kegunaan kajian sekiranya bersesuaian. | |
| | | iii. Mengadakah *In-Depth Interview* untuk mendapatkan keterangan dan kefahaman yang lebih intensif terhadap kajian yang akan dilaksanakan. | |
| | | iv. Menjalankan perbandingan antara kajian ini dengan kajian-kajian sedia ada melalui lawatan kerja di dalam dan luar negara serta lain-lain laporan/ jurnal daripada badan yang diiktiraf. | |
| 2. | Kuantitatif | i. Lokasi dan pensampelan yang ditentukan dengan kaedah persampelan kluster seperti *Krejcie, Morgan, Yamane, Salkind* dan sebagainya. | |
| | | ii. Instrumen:<br>a. Borang Soal Selidik | |
| 3. | Analisis Data | i. *Thematic Analysis* (Kualitatif)<br>ii. *Statistical Package for Social Science* (Kuantitatif) | |